

HUBUNGAN ARABIA DENGAN BRITISH PADA MASA PERANG DUNIA PERTAMA, 1914-1918

ABDUL RAUH BIN YAACOB

PENDAHULUAN

Kemasukan Empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama dengan memihak kepada German dalam “the Central Powers” pada bulan Oktober 1914 menentang Britain, Perancis dan Rusia dalam pakatan “ the Entente Powers” telah membawa arus baru dalam sejarah dunia Islam . Setelah tamatnya perang dengan kekalahan melanda pakatan Uthmaniyah-German, dunia Islam telah memulakan era baru apabila Empayar Uthmaniyah bukan sahaja terpaksa bersetuju melepaskan seluruh wilayahnya di Timur Tengah yang merupakan sebahagian dari keagungan empayarnya pada masa lampau bahkan terpaksa pula berjuang mempertahankan tanah air mereka di Anatolia dan persekitarannya dari menjadi rebutan kuasa-kuasa asing. Ekoran dari pelepasan wilayah ini, Timur Tengah telah dipersetujui untuk diletakkan di bawah kuasa mandat yang diamanahkan kepada Britain dan Perancis. Antara wilayah - wilayah yang diletakkan di bawah kuasa mandat ialah Syria bersama Lubnan diserahkan kepada Perancis, sementara Palestin pula diamanahkan kepada British. Ini tidak termasuk wilayah-wilayah lain yang diletakkan secara langsung di bawah pengaruh British seperti Iraq, Jordan dan Mesir atau dalam bentuk ikatan perjanjian dengan pemimpin-pemimpin tempatan seperti di Arabia .

Penyelesaian yang dipersetujui selepas perang terutamanya antara British dengan Perancis mengenai dunia Islam di Timur Tengah tidaklah menampakkan perbezaan yang ketara dengan polisi yang telah diputuskan ketika perang. Antara pakatan yang dibuat antara British dengan Perancis ketika perang ialah perjanjian rahsia Sykes-Picot yang akhirnya menjadi dasar kepada penyelesaian selepas perang dengan beberapa pindaan setelah ditentang oleh Britain sendiri. Sementara pendudukan British di Palestin pula merupakan lanjutan dari Deklarasi Balfour 1917 yang menjanjikan *national home* kepada orang-orang Yahudi di bumi Palestin. Tetapi situasi di Arabia agak berbeza. Ini disebabkan oleh faktor pengaruh British yang sudah bertapak di Arabia . Ditambah pula dengan adanya polisi yang sentiasa diperbaharui bagi memastikan tiada kuasa Eropah lain khususnya Perancis yang mungkin dapat mencabar pengaruh British di situ. Berdasarkan kepada kelainan inilah maka wajar dibuat penelitian secara berasingan tentang tujuan dan polisi British di Arabia ketika Perang Dunia Pertama bagi menghadapi tentera Uthmaniah terutamanya di Hijaz dan Yaman dan kesannya terhadap penyelesaian selepas perang.

Pertamanya adalah penting dengan ringkas menyingkap kembali sejarah polisi British di Arabia secara umum dan barat daya Arabia secara khusus sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Sejak pendudukan British di Aden dari tahun 1839, hingga 1880-an polisi British adalah berkecuali atau tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri di persekitaran Aden. Ini disebabkan oleh peranan Aden tidak lebih daripada tempat persinggahan kapal British dalam perjalanan ke India. Hubungan persahabatan dengan pemimpin Arab tempatan telah diadakan, tetapi tujuannya adalah untuk keselamatan Aden. Hubungan awal dalam bentuk persahabatan ini akhirnya berkembang ke arah dasar yang menyediakan perlindungan British kepada persekitaran Aden bagi mengawasinya dari dimasuki oleh manama kuasa lain. Perjanjian persahabatan dengan pemimpin tempatan seperti dengan qabilah-qabilah al-'Abdali, al-'Aqrabi, al-Subayhi, al-Yafa'i, al-Fadli, al-Hawshabi, al-Amiri, al-'Alawi dan al-'Awlaqi telah bertukar menjadi perjanjian perlindungan (Protectorate Treaties) sejak tahun 1880-an.¹ Perkembangan terbaru ini ialah ekoran dari munculnya kembali pengaruh Empayar Uthmaniyah di Yaman setelah menduduki semula Sana'a pada tahun 1872, dan juga disebabkan oleh bertambahnya minat kuasa asing di Arabia selepas pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869. Oleh itu sejak 1880-an British telah memilih polisi campur tangan di dalam urusan hal-ehwal negeri jiran di Arabia.

Polisi campur tangan ini telah membawa Britain secara langsung berhadapan dengan Empayar Uthmaniyah yang mempunyai tuntutan ke atas wilayah-wilayah di bawah naungan British berdasarkan sejarah awal penguasaan mereka di Arabia termasuk Aden sendiri. Ekoran dari krisis tuntutan ini, keadaan di sempadan sudah tidak aman lagi. Walau pun begitu ketegangan di barat daya Arabia khususnya antara pemimpin tempatan British di Aden dengan Uthmaniyah di Yaman tidak berterusan disebabkan oleh adanya hubungan baik antara Istanbul dengan London. Antara tahun-tahun 1902-1904 Suruhanjaya Turki-British mengenai sempadan telah menjalankan operasinya dan berjaya menyelesaikan krisis sempadan antara kedua-dua Empayar ini, sekurang-kurangnya untuk beberapa ketika. Ekoran dari perdamaian ini juga telah membawa perubahan dalam dasar British di Arabia dari polisi campur tangan kepada berkecuali, iaitu sejak 1906 hingga ke meletusnya Perang Dunia Pertama.

Empayar Uthmaniyah juga turut memberi respon yang sama kepada situasi baru ini. Uthmaniyah telah muncul di Yaman antara tahun 1530 hingga 1630 selepas kejayaan mereka menundukkan Mamluk di Mesir pada tahun 1517. Oleh kerana Yaman berada di bawah Mamluk maka ia memudahkan Uthmaniyah menguasai Yaman termasuklah Aden. Tetapi pada tahun 1630 mereka telah diusir keluar oleh pemimpin Syiah Zaidiyah. Hanya pada tahun 1872 mereka kembali semula menduduki Yaman. Kehadiran semula Uthmaniyah di barat daya Arabia tidak dapat diterima sepenuhnya oleh pemimpin tempatan sama ada yang sudah bebas dan merdeka mahupun yang sedang mendapat bantuan dan naungan dari British di Aden. Imam Syiah Zaydiyah di pedalaman Yaman dan Sayyid Idrisi di persisiran

pantai Tihamah adalah antara pemimpin yang perlu ditundukkan oleh pihak berkuasa Uthmaniyah. Tetapi mendamaikan soal sempadan dengan British telah memberi kesan sampingan kepada polisi Kerajaan Uthmaniyah di Arabia khususnya di barat daya Arabia. Ekoran dari situasi baru ini, pada tahun 1911 perjanjian Da'an telah ditandatangani antara Imam Zaydiyah dengan pihak berkuasa Uthmaniyah di Yaman bagi menamatkan permusuhan dan mengiktiraf kuasa autonomi Imam di pedalaman Yaman. Pada masa yang sama usaha telah dibuat untuk mencari perdamaian dengan Sayyid Idrisi di 'Asir, tetapi gagal mencapai kata sepakat hingga meletusnya perang.

Secara umumnya hubungan persahabatan antara Kerajaan Uthmaniyah dengan Britain terus kekal sehinggalah apabila Uthmaniyah menyebelahi German pada 31 Oktober 1914. Sehingga ke tarikh tersebut Britain masih berpegang kepada polisi menyokong keutuhan Empayar Uthmaniyah walaupun mereka telah menduduki Cyprus dalam tahun 1878 dan Mesir 1882. Misalnya sejak 1882 hingga 1914 Mesir masih lagi diiktiraf sebagai salah sebuah wilayah dalam Empayar Uthmaniyah. Mesir dikuasai kerana dorongan untuk menyelesaikan kekusutan ekonominya serta kepentingan British di Terusan Suez dan sekali gus bagi membendung mana-mana kuasa lain dari bertapak di Laut Merah yang menjadi jalan keluar dari Barat ke Timur.

HUBUNGAN BRITISH-UTHMANIYAH SETELAH MELETUSNYA PERANG

Walaupun kerajaan Uthmaniyah masih mengambil sikap berkecuali setelah meletusnya Perang Dunia Pertama pada Julai 1914, namun Britain sejak awal Ogos 1914 lagi telah menduga kemungkinan keterlibatan Empayar Uthmaniyah ke kancah peperangan dengan memihak kepada German dan sekutunya. Kementerian Hal-ehwal India (The India Office) dan Kementerian Luar Negeri (The Foreign Office) di London telah menerima laporan daripada pegawai-pegawai mereka di India, Mesir dan Istanbul mengenai persediaan tentera Uthmaniyah untuk memasuki perang.

Reaksi terhadap laporan di atas berbagai-bagai. Gabenor General di India mencadangkan supaya kerajaan British mengisyiharkan perlindungan ke atas Tanah Suci di Mekah dan Madinah dari sebarang serangan.² Lord Kitchener, bekas Pesuruhjaya Tinggi British di Mesir, ketika itu menjawat Menteri Perang, mencadangkan supaya diajukan pertanyaan kepada Sharif Husayn mengenai apa reaksi beliau dan orang-orang Arab sekiranya Empayar Uthmaniyah berperang menentang British.³ Kementerian Luar Negeri juga mempunyai cadangannya sendiri. Duta British di Istanbul diarahkan supaya menyampaikan mesej kepada Sultan Uthmaniyah supaya berkecuali, kalau tidak akan buruk padahnya nanti kepada Empayar Uthmaniyah, seperti British akan menuntut dan mengisyiharkan

Mesir merdeka dan dipisahkan dari menjadi wilayah Empayar Uthmaniyyah, menyokong gerakan orang-orang Arab menentang Uthmaniyyah, yakni Turki, membentuk satu kerajaan yang merdeka di Arabia dan menguasai Tanah Suci Islam.⁴

Sekalipun cadangan yang diutarakan berbeza antara Kementerian Hal-ehwal India dengan Kementerian Luar Negeri di London, begitu juga dengan pegawai-pegawai mereka di Aden, India, Mesir, dan Istanbul, namun terdapat satu persamaan iaitu bersetuju pada dasarnya tentang bagaimana mereka harus menggunakan orang-orang Arab bagi menentang Uthmaniyyah. Di Mesir, usaha memujuk Sharif Husayn dimulakan oleh Lord Kitchener berasaskan adanya hubungan persahabatan yang telah wujud sejak Februari 1914 lagi, apabila Abdullah yang mewakili ayahnya Sharif Husayn telah menemui Kitchener di Kaherah, bertanyakan sama ada Britain sanggup memberi bantuan kepada Syarif sekiranya beliau menghadapi masalah dengan Istanbul. Tetapi pada tahap ini usaha Sharif Husayn tidak diberi perhatian yang wajar berdasarkan adanya hubungan baik antara London dengan Istanbul. Tetapi apabila ada tanda-tanda yang menunjukkan kecenderungan Uthmaniyyah untuk menyebelahi German maka Kitchener telah mengambil peluang ini untuk memulakan hubungan dengan Sharif. Pada bulan September 1914 mesej beliau telah disampaikan kepada Abdullah melalui Milne Cheetham, pemangku Pesuruhjaya Tinggi di Mesir.

Di barat daya Arabia, polisi British pula ialah berusaha untuk memujuk Imam Zaydi dan Sayyid Idrisi mengadakan pakatan menentang Uthmaniyyah. Tetapi pada tahap ini Britain masih belum bersedia menjanjikan sesuatu kepada mereka. Residen di Aden diarahkan menyampaikan polisi seperti berikut:-

HM's Government are unwilling to commit themselves to definite offers to Idrisi fulfilment of which they may not be able to enforce even in most favourable circumstances, and they cannot undertake to adjudicate in detail between his claim and those of Imam, though they will gladly use their good offices in bringing the two parties together. he (the Idrisi) should be encouraged to come to terms provisionally with Imam in order that they may be united to face the Turks⁵

Pada masa arahan ini dihantar ke India untuk disampaikan ke Aden, permusuhan antara Uthmaniyyah dengan Rusia sudah pun bermula.

POLISI ARAB

Apabila perang diisyiharkan terhadap Empayar Uthmaniyyah, polisi British menyokong orang-orang Arab di Timur Tengah menentang Uthmaniyyah terus dilaksanakan. Di barat daya Arabia pakatan Imam Zaydi dan Sayyid Idrisi menentang Uthmaniyyah di Yaman cuba diketengahkan. Walaupun London mengarahkan supaya disatukan gerakan Imam Zaydi dengan Sayyid Idrisi, Aden mempunyai pendekatan yang tersendiri. Kerana kurangnya maklumat Residen di Aden mengenai

hubungan sebenar antara Imam Zaydi dengan Mahmud Nadim Pasha, Gabenor General Uthmaniyah di Yaman, Aden mencadangkan supaya kedua-dua pemimpin Sayyid Idrisi dan Imam Zaydi dinasihatkan supaya masing-masing mengambil tindakan sendiri menentang Uthmaniyah.⁶

Sementara cadangan Aden sedang dipertimbangkan, Kerajaan India (the Government of India) diarahkan untuk mengeluarkan satu deklarasi menjelaskan kedudukan sebenar perang yang tidak mempunyai kaitan dengan agama dan Britain berjanji akan melindungi Tanah Suci Islam dari serangan musuh. Deklarasi dibawah ini telah dipanjangkan kepada pemimpin-pemimpin Arab di Arabia .

In view of the outbreak of war between Great Britain and Turkey, which to the regret of Great Britain has been brought about by the ill-advised, unprovoked and deliberate action of the Ottoman Government. His Excellency the Viceroy is authorized by His Majesty's Government to make the following public announcement in regard to the holy places of Arabia, including the holy shrines of Mesopotamia and the port of Jeddah, in order that they may be no misunderstanding on the part of His Majesty's most loyal Moslem subjects as to the attitude of His Majesty's Government in this war in which no question of a religious character is involved. These holy places and Jeddah will be immune from attack or molestation by the British naval and military forces so long as there is no interference with pilgrims from India to the holy places and shrines in question. At the request of His Majesty's Government the governments of France and Russia have given them (the British Government) similar assurances.⁷

Deklarasi British tentang perang ini merupakan jawapan kepada pengisytiharan jihad yang dikeluarkan oleh Kerajaan Uthmaniyah. Britain bimbang andainya jihad diterima oleh masyarakat Islam, kedudukan British di Timur Tengah dan juga di India akan terjejas. Deklarasi ini juga dapat membantu mempercepat polisi menyokong orang-orang Arab menentang Uthmaniyah. Oleh itu Britain berhati-hati dalam tindak-tanduk mereka di Arabia dan di Timur Tengah yang mungkin dapat menjelaskan polisi Arab ini. Kahirah dan Aden melaporkan berita tentang mula timbulnya keraguan di kalangan orang-orang Arab mengenai niat sebenarnya British di Timur Tengah. Aden secara khususnya melaporkan bahawa serangan British di Shaikh Sa'id, pelabuhan Uthmaniah menghala ke laut Merah, pada 10 November 1914 telah menimbulkan tanda tanya kepada orang-orang Arab. Ahmad Nu'man, Qa'immaqam Uthmaniyah di Hujaria (wilayah Uthmaniyah di Yaman) telah menulis surat kepada Sultan 'Abdali (di bawah naungan British) dan mengatakan bahawa dengan serangan ke atas Shaikh Sa'id, British telah menunjukkan keinginannya menghancurkan Islam. Aden mencadangkan supaya dikeluarkan satu deklarasi yang menunjukkan sikap British yang simpati dengan orang-orang Arab dan menyatakan bahawa British tidak mempunyai hajat untuk menguasai bumi Arab.

Cadangan Aden disetujui di London lalu Kementerian Luar Negeri mengarahkan Aden mengeluarkan pengisytiharan seperti berikut:-

The British Government do not entertain any desire to extend the frontiers of their territory, and feel confident that Arabs will not league themselves with Turks, who are the real enemies of Arab progress and welfare, against English who are determined to maintain rights of Islam and respect holy places and who have invariably defended Arab interests. There must at the same time be no violation of British border. In the establishment of that peace and order which alone can further Arab prosperity and progress the British Government count on the co-operation of the Arab chiefs. If any Arabs violate British territory and are so foolish as to join Turkish cause their hostility will be punished by force.⁸

Polisi menyokong orang-orang Arab telah menampakkan hasilnya. Residen sekarang dalam keadaan lebih berhati-hati lagi. Aden mencadangkan supaya tindakan ketenteraan hendaklah dielakkan seperti di Shaikh Sa'id walaupun Aden dilaporkan tentang kehadiran semula tentera Uthmaniyyah di situ, kecuali Aden sendiri dilengkapkan dengan tentera yang cukup. Residen berhujjah bahawa

if no reinforcement can be expected I consider it is objectionable by attacking Sheikh Said to chance raising hostilities of Arabs in the Yemen Turks were enabled by the last bombardment to take advantage of this to give Arabs to understand that British now clearly wished to annex Arabian soil and proclaim Jehad (jihad) against them. So far Arabs generally have not received Jehad (jihad) well If we now attack without reinforcements having been sent to Aden, Protectorate will be rendered liable to attack by the Turks who will probably be able to proclaim Jehad (jihad). Present garrison at Aden being too weak to undertake in support of protected Arabs any effective action.⁹

Beberapa pemimpin tempatan di barat daya Arabia mula menunjukkan respon terhadap polisi British yang menyokong Arab ini. Pada 21 November 1914, Sayyid Idrisi membalias surat Residen. Beliau menyatakan persetujuannya ke atas cadangan Residen supaya orang-orang Arab bersatu menentang Uthmaniyyah dan berterima kasih kepada British atas janjinya membekalkan senjata juga kerana membuka pelabuhannya untuk perdagangan. Imam Zaydi juga telah menulis surat kepada Sultan 'Abdali pada 23 November 1914, sebagai jawapan kepada surat Sultan 'Abdali kepadanya.¹⁰ Imam merujuk kepada adanya hubungan baik antara keluarga 'Abdali dengan Imam Zaydi pada masa lampau serta meminta kepastian dari Sultan 'Abdali tentang hubungan awal Imam Zaydi dengan British. Pada masa yang sama muncul seorang pemimpin Arab di Wilayah Uthmaniyyah di Yaman iaitu Shaykh Muhammad bin Nasir Muqbil, di kenali sebagai Shaykh Mâwiyah, yang berhasrat mengadakan pakatan dengan British. Berdasarkan kepada laporan di atas, Residen mencadangkan supaya British menyokong Shaykh Mâwiyah, bukan sahaja sebagai pengganti kepada Imam Zaydi yang masih kurang jelas sikapnya, tetapi juga kemampuan Syekh tersebut untuk mengawal Ahmad Nu'mân, seorang aktivis Uthmaniyyah di Yaman Cadangan Aden dipersetujui. Pada 19 Februari 1915 perjanjian telah diadakan dengan Shaykh Mâwiyah. Beliau diminta mengusir tentera Uthmaniyyah di kawasan Ta'iz sebagai balasan dari bantuan kewangan dan janji British untuk mengiktirafnya sebagai pemimpin yang merdeka.¹¹

Pada masa yang sama usaha untuk mengadakan perjanjian dengan Sayyid Idrisi diteruskan. Pada 28 April, 1915, satu perjanjian telah diadakan dengan Sayyid Idrisi. Beliau ditugaskan mengusir tentera Uthmaniyyah di Yaman. Sayyid Idrisi diminta supaya mengelakkan diri dari permusuhan dengan Imam Zaydi supaya tidak menjelaskan polisi Arab ini.¹¹

Polisi menyokong orang-orang Arab melalui bantuan kewangan, kelengkapan senjata serta janji-janji akan bebas dan merdeka tidak mencapai tujuan dan hasrat seperti yang dicita-citakan. Hal ini kerana British tidak mahu juga tidak mampu melibatkan gerakan ketenteraan di Arabia berdasarkan kepentingan yang lebih strategik di medan yang lain. Dengan hanya bantuan dan janji-janji British, orang-orang Arab tidak mampu menghadapi tentera Uthmaniyyah apatah lagi menghalau mereka dari barat daya Arabia. Pada bulan April 1915, tentera Uthmaniyyah bergerak menuju ke Aden dan menundukkan Shaykh Mâwiyah. Pada bulan Julai 1915, Lahej, bandar Sultan ‘Abdali, juga turut jatuh ke tangan Uthmaniyyah. Kemaraan tentera Uthmaniyyah hingga hampir ke Aden telah menukar polisi British yang hanya memberi galakan dan sokongan bagi menentang Uthmaniyyah. Alternatif kedua, iaitu kekuatan ketenteraan, mula diberi perhatian.

Walaupun Aden bersungguh-sungguh meyakinkan London bahawa betapa perlunya mengadakan operasi tentera di Lahej dan Yaman bagi kepentingan imej British di Arabia, namun London masih tidak memberi perhatian yang utama. Ini disebabkan kedudukan dan kepentingan Yaman dan Arabia tidak sama dengan medan pertempuran yang lain. London berhujah, “it is upon the success of our arms in the main theatre of operations rather than upon local demonstrations that the prestige of His Majesty’s Government depends....”¹³

Walaupun kelancaran polisi Arab khususnya di barat daya Arabia terbantut, namun kemunculan tokoh baru di Hejaz, Sharif Husayn, telah memberi harapan baru dalam cita-cita British menundukkan tentera Uthmaniyyah di Timur Tengah. Hubungan dengan Syarif Husayn sebenarnya telah dimulakan sebaik sahaja perang meletus, iaitu pada 31 Oktober 1914, apabila mesej kedua Kitchener telah disampaikan kepada Abdullah menjanjikan sekiranya bangsa Arab membantu British dalam perang ini, British akan memastikan Arabia tidak akan terancam. Kitchener menambah, “It may be that the Arab of true race will assume the Khalifate at Mecca or Medina and so good may come by the help of God out of all the evil that is now occurring.”¹⁴ Mesej Kitchener tentang Khalifah Islam sekali lagi telah dirujuk oleh Mc Mahon kepada Sharif pada 30 Ogos 1915 beserta janji-janji kemerdekaan Arab yang terdapat dalam hubungan Mc Mahon-Sharif Husayn yang telah membuka jalan kepada sokongan Sharif menentang Empayar Uthmaniyyah pada bulan Jun 1916.

Walaupun Sharif Husayn masih yakin tentang masa depan gagasannya, tetapi beliau mulai ragu-ragu apabila mendapati Britain secara rahsia telah mengadakan perjanjian dengan pemimpin-pemimpin Arab lain di Arabia, yang menjanjikan kemerdekaan yang sama seperti Ibn Sa‘ud dan Sayyid Idrisi. Kewujudan berbagai -bagai komitmen British dengan beberapa pemimpin Arab di Arabia

merupakan halangan yang besar dalam penyelesaian British selepas perang di Arabia. Ini ditambah pula dengan kedudukan tentera Uthmaniyah di Lahej yang berkekalan hingga tamatnya perang dan keengganan Imam Zaydi mengadakan perjanjian dengan British.

PENUTUP

Keadaan dan suasana yang berbeza di Arabia apabila dibandingkan dengan wilayah Uthmaniyah lain di Timur Tengah telah menyulitkan usaha British untuk terus mengekalkan pengaruhnya di Arabia. Kerumitan suasana ini dapat dilihat dengan meneliti usaha yang cuba diketengahkan oleh Kementerian Luar Negeri. Sejak bulan Mac 1919, Kementerian Luar Negeri meminta pandangan pegawai-pegawaiannya di Mesir, Hejaz dan Aden mengenai polisi British selepas perang di Arabia khususnya terhadap Sayyid Idrisi dan Imam Zaydi. Kementerian Luar Negeri mencadangkan supaya Kerajaan memilih polisi yang mencuba mengelakkan pemimpin tempatan dari mencari sokongan kuasa asing, dan mencadangkan supaya membentuk satu kesatuan Arabia sama ada di bawah satu kuasa atau berbentuk persekutuan.¹⁵ Selepas mendapat cadangan balas dari Mesir dan Aden, Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan dasar ke arah perdamaian di Arabia. Arahan kepada Pesuruhjaya Tinggi di Mesir adalah seperti berikut:

You should therefore without delay despatch Colonel Jacob to open preliminary discussions. He should explain to the Imam that His Majesty's Government do not intend to interfere in internal matters but are anxious to see the separation and discord in Arabia superseded by principles of cohesion and co-operation . They realise that this policy can be successful only if it has the goodwill of the autonomous rulers in question are King Husein, Imam himself, Ibn Saud, Sultan Shehr Mokalla and the Idrisi who has late earned for himself by his assistance during the war to the allied cause a position which His Majesty's Government propose to recognise

With a view to establishing permanent friendly relations between these rulers His Majesty's Government have decided to invite them to conclude simultaneous treaties. By these they will all of them mutually recognise independence of the others and undertake to submit all questions of boundaries and other causes of dispute to British arbitration on the first place.

As regards the relations between King Husein and the other overlords Colonel Jacob should also sound the Imam making it clear that in no case will His Majesty's Government support any claim of one autonomous ruler except with the concurrence and at the desire of both parties. At present nothing should be said on the question of relations with other powers. Colonel Jacob, if the point is raised, should take the line that it is clearly desirable in the best interests of Arabs themselves that they should accept the same referee and that these is no question of any other power claiming the traditional position of His Majesty's Government as friend and protector of the Arabs so far as he is aware.

After the establishment of his satisfactory relations on the above lines he may proceed to a guarded discussion of boundaries professing himself ready to do what he can to support the Imam's claims but stating that he can make no definite pronouncement because he is not authorised to do so.¹⁶

Dengan membawa polisi tersebut, Jacob telah bertolak ke Sana'a bagi menyampaikannya kepada Imam Zaydi. Tetapi kerana gagalnya rombongan Jacob untuk sampai di Sana'a setelah ditahan di pertengahan jalan, maka penyelesaian British di Arabia menemui jalan buntu. Polisi Arab ternyata gagal. Britain mengenengahkan polisi ini dengan mempunyai matlamat jangka pendek, iaitu mendapat kerjasama dari orang-orang Arab bagi menentang Empayar Uthmaniyyah di Timur Tengah khususnya di Arabia. Tetapi kerjasama dan persefahaman antara pemimpin-pemimpin Arab tidak diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Ini kerana perjanjian yang diadakan dengan pemimpin-pemimpin Arab dibuat secara berasingan. Keraguan Sharif Husayn, tentang niat sebenar British di Arabia dan di Timur Tengah, apabila mengetahui adanya komitmen British dengan pemimpin Arab lain, mempunyai asas yang kukuh untuk diketengahkan. Di barat daya Arabia usaha awal untuk memujuk Sayyid Idrisi dan Imam Zaydi untuk bersatu juga gagal. Ditambah pula dengan kegagalan Britain memujuk Imam memihak kepadanya telah memberi kesan yang negatif kepada penyelesaian di Arabia secara umum dan barat daya Arabia secara khusus. Selepas tamatnya perang dan berakhirnya Empayar Uthmaniyyah, Arabia terus bergolak hasil dari polisi campur tangan British di sana.

¹C.U. Aitchison, *A Collection of Treaties, Engagements and Sanads Relating to India and Neighbouring Countries*, Calcutta, 1909, hlm. 46,52,99, 129.

²Viceroy kpd. Kementerian Hal Ehwal Luar, I Sept. 1914, FO 371/2139.

³Kitchener kpd. Grey, 24 Sept. 1914, FO 371/2139.

⁴Grey kpd. Mallet, Duta British di Istanbul), 29 Ogos 1914, FO 371/2138.

⁵Setiausaha Negara bagi India kpd. Viceroy, 31 Oktober 1914, L/P&S/10/558.

⁶Residen kpd. Setiausaha Negara bagi India, 4 Nov. 1914, L/P&S/10/558.

⁷Residen kpd. Setiausaha Negara bagi India, 6 Nov. 1914, L/P&S/10/558.

⁸Viceroy kpd Resident, 23 Nov. 1914, L/P&S/10/558.

⁹Residen kpd. Kerajaan India, 13 Nov 1914, L/P&S/10/558.

¹⁰Residen kpd Kerajaan India, 17 Disember 1914, L/P&S/10/558.

¹¹Viceroy kpd. Pejabat Hal Ehwal India, 13 Mac 1915, L/P&S/10/558.

¹²Perjanjian Idrisi, 30 Apr. 1915, L/P&S/10/559.

¹³Viceroy kpd. Residen, 14 Mei 1915, R/20/A/3966,

¹⁴Elie Kedouries, *England and the Middle East: The Destruction of the Ottoman Empire, 1914-1921*, London, 1978, hlm.52.

¹⁵Kementerian Hal Ehwal Luar kpd. Pesuruhjaya Tinggi, Mesir, 14 Mac 1919, FO 882/20.

¹⁶Kementerian Hal Ehwal Luar kpd. Pesuruhjaya Tinggi, Mesir, 24 Mei 1919, FO 882/24.